

Kota Kinabalu Wetland tapak Ramsar terbaharu Malaysia

UM-33
18/7

PUTRAJAYA 17 Julai - Kota Kinabalu Wetland diisytiharkan sebagai Tapak Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Ramsar) yang ketujuh di Malaysia dan kedua bagi negeri ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sekretariat Ramsar telah meluluskan penyenaraian lokasi tersebut pada Mac lalu sekali gus menjadi tapak Ramsar yang pertama di dalam kawasan bandar bagi negara ini.

"Sehingga kini, Malaysia mempunyai enam tapak Ramsar iaitu Tasik Bera di Pahang, Tanjung Piai dan Sungai Pulau masing-masing di Johor, Taman Wetland Kuching Nasional, Sarawak dan Segama Wetlands, Sabah.

"Penyenaraian ini diharapkan dapat menyokong usaha kerajaan untuk melindungi dan memulihara kawasan tanah lembap serta kepelbagaian biologi hutan-hutan di negara ini," katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di sini hari ini.

Dalam majlis itu, Wan Junaidi menyerahkan sijil pengiktirafan Kota Kinabalu Wetland sebagai Tapak Ramsar kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

Wan Junaidi menjelaskan, pengiktirafan Ramsar adalah bertujuan memberi penekanan terhadap usaha pemuliharaan ekosistem tanah lembap dan penggunaan hutan dengan cara bijak.

Katanya, sehingga kini terdapat 2,272 kawasan di seluruh dunia telah disenaraikan sebagai tapak Ramsar merangkumi jumlah keluasan sebanyak 219 hektar.

"Sebagai negara ahli Ramsar sejak 1994, Malaysia mempunyai komitmen untuk menyenaraikan lebih banyak tapak tanah lembap yang berpotensi me-



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR

melihara penggunaan hutan dengan secara berhemah," katanya.

Pada masa sama, Musa berkata, pengiktirafan terbaharu itu merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan kepada Sabah sejajar komitmen kerajaan negeri menjaga kepelbagaian biodiversiti alam sekitar di negeri itu.